



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	3/6/2021	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	KeTSA / TNB			

Mohon kerajaan perluas kelayakan diskaun bil elektrik

Kuala Lumpur: Plus Xnergy Holding Sdn Bhd memohon kerajaan mempertimbang memperluaskan kelayakan bagi diskaun bil elektrik sebanyak 10 peratus di bawah Pemerkasa Tambahan untuk meliputi sektor komersial dan pembuatan/perkilangan kerana antara cabaran utama mereka adalah menguruskan *overhead* dan keuntungan bersih.

Meskipun menyambut baik pengumuman kerajaan mengenai diskaun bil utiliti untuk sektor yang terjejas, Ketua Pegawai Eksekutif Ko Chuan Zhen bagaimanapun menyatakan dengan sekatan pergerakan yang lebih ketat untuk memerangi penularan Covid-19, banyak kilang akan be-

roperasi dalam kapasiti terhad dan ini mempengaruhi penggunaan tenaga elektrik.

Beliau berkata, penggunaan elektrik di sektor perindustrian dan komersial turun antara 25 peratus dan 50 peratus semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020 kerana kebanyakan perniagaan menghentikan kegiatan sementara penggunaan kediaan melonjak antara 20 peratus dan 50 peratus berikutan amalan bekerja dari rumah.

"Walaupun penggunaan elektrik mengalami trend menurun di seluruh dunia, ia dijangka meningkat kembali pada tahun 2021 ketika ekonomi semakin pulih," katanya.
- Bernama